



NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73

No. 2

16hb Januari 2020

TAMBAHAN No. 1

PERUNDANGAN

Kn. P.U. 8.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (MENGKOMPAUN
KESALAHAN) (MAJLIS DAERAH JELI) 2020**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Undang-
Undang
Kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

2. Tafsiran

BAHAGIAN II
KOMPAUN DAN PEMBAYARAN

3. Pengkompaunan kesalahan
4. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran
5. Penyampaian Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan

BAHAGIAN III
AM

6. Pemansuhan dan peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (MENGKOMPAUN
KESALAHAN) (MAJLIS DAERAH JELI) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Jeli membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Mengkompaun Kesalahan) (Majlis Daerah Jeli) 2020.

(2) Undang-Undang Kecil ini terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Daerah Jeli.

(3) Undang-Undang Kecil ini, hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Jeli;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Daerah Jeli;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa ini menjalankan kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

BAHAGIAN II
KOMPAUN DAN PEMBAYARAN

Pengkompunan kesalahan

3. (1) Kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82(5), 107, 109, 140(2)(a), 160 dan 161 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] dan kesalahan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil yang dibuat di bawahnya adalah kesalahan boleh dikompau.

(2) Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, dengan keizinan Pendakwa Raya, boleh mengkompau mana-mana kesalahan di bawah perenggan (1) dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan untuk mengkompau kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang bagi kesalahan dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Suatu tawaran di bawah perenggan (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompau di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompau kesalahan itu telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(5) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

4. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), jumlah wang yang boleh dikutip oleh Majlis bagi mengkompau suatu kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta hendaklah tidak boleh melebihi lima puluh peratus daripada kadar maksima denda yang boleh dikenakan.

(2) Bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 107 dan 109 Akta, jumlah wang yang boleh dikutip oleh Majlis bagi mengkompau kesalahan-kesalahan yang tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

(3) Segala wang pembayaran kompaun hendaklah dibayar dengan wang tunai atau kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau bank draf yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli dan dipalang “Akaun Penerima Sahaja”. Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(4) Pembayaran boleh diserahkan di pejabat Majlis atau di mana-mana pejabat cawangan yang ditetapkan oleh Majlis, tetapi bayaran dibuat melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli.

(5) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dimasukkan sebagai wang hasil Majlis Daerah Jeli dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang telah diberikan tawaran mengkompaun itu.

(6) Tawaran untuk mengkompaun sebarang kesalahan tersebut dan penerimaan tawaran akan dibuat dengan Borang di dalam Jadual.

Penyampaian Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan

5. Penyampaian suatu Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan boleh dibuat oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua,

- (a) dengan menyerahkannya kepada orang itu atau dengan menyerahkannya di tempat kediamannya yang akhir diketahui kepada seorang yang dewasa atau ahli keluarganya yang dewasa; atau
- (b) dengan meninggalkannya di tempat kediaman atau perniagaan orang itu yang biasa atau akhir diketahui dalam suatu sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan menghantarnya dengan pos dalam suatu surat yang telah pun dijelaskan bayaran posnya yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediaman atau perniagaannya yang biasa atau yang akhir diketahui; atau
- (d) dengan menampalnya di mana-mana bahagian premis atau apa-apa benda atau kenderaan yang berkaitan kesalahan itu dilakukan yang mudah dilihat.

BAHAGIAN III

AM

Pemansuhan dan peruntukan peralihan

6. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), apabila Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Jeli) Kerajaan Tempatan 1995 yang telah diwartakan melalui Kn.P.U.14 Tahun 1995 (selepas ini disebut Undang-Undang Kecil termansuh) hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walau apa pun perenggan (1)–

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-Undang Kecil termansuh bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-Undang Kecil ini;
- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-Undang Kecil termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasa Undang-Undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh seolah-olah Undang-Undang Kecil ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-Undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa pelantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini, sehinggalah pelantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL

BORANG

(undang-undang kecil 4)

TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan.....

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang berkaitan.....
 Tarikh:.....
 Waktu:.....
 Tempat:.....
 Butir-butir kesalahan:.....

(2) Tuan/puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Mengkompaun Kesalahan) (Majlis Daerah Jeli) 2020, saya bersedia dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak RM

Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau bank draf yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli dan dipalang “Akaun Penerima Sahaja” atau boleh diserahkan sendiri ke alamat berikut.....

Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila kompaun dibayar. Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(3) Tawaran ini akan habis tempoh padaJika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, pendakwaan akan dijalankan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh *

* (untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangan)

MENERIMA TAWARAN MENGGOMPAUN

Kepada:
 Yang Dipertua
 Majlis Daerah Jeli
 17600 Jeli
 Kelantan

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan dan bertarikh. Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama-sama ini wang tunai/ kiriman wang pos/ pesanan juruwang/ pesanan bank/ bank draf bank No.....bagi sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia.) bagi menjelaskan bayaran kompaun ini.

Tandatangan:
Nama (Huruf Besar):
No Kad Pengenalan:
Alamat:
Tarikh:

Bertarikh 22 Ogos 2016
[SUK.D.200(05)472/36/2 Jld.9(3)]

ZULKIFLE BIN AB. RAHMAN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Jeli

Disahkan pada 15 Mac 2017
[SUK.D.200(05)849/1 Jld.9(13)]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kelantan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

**LOCAL GOVERNMENT (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(JELI DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2020**

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I
PRELIMINARY

By-Laws

1. Short title, application and commencement
2. Interpretation

PART II
COMPOUND AND PAYMENT

3. Compounding of offences
4. Sum to be collected and method of payment
5. Service of Offer to Compound an offence

PART III
GENERAL

6. Repeal and transitional provision

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

**LOCAL GOVERNMENT (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(JELI DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2020**

IN exercise of power conferred by section 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Jeli District Council hereby makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

PART I
PRELIMINARY

Short title, application and commencement

1. (1) These by-laws may be cited as the Local Government (Compounding of Offences) (Jeli District Council) By- Laws 2020.

(2) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Jeli District Council.

(3) These By-Laws come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. (1) In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“Council” means the Jeli District Council;

“Secretary” means Secretary of Jeli District Council;

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the President of Jeli District Council and includes the Deputy President.

PART II
COMPOUND AND PAYMENT

Compounding of offences

3. (1) Offences under section 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82(5), 107, 109, 140(2)(a), 160 and 161 of the Local Government Act 1976 [Act 171] and offences under any By-Laws made under the said Act as compoundable offences.

(2) The President, Secretary or any officers authorised in writing by the President, with the consent of the Public Prosecutor, may compound any offence under paragraph (1) by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money for that offence within the time specified in the offer.

(3) An offer under paragraph (2) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, Secretary or any officers authorised in writing by the President, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(4) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such term and condition as may be prescribe.

(5) All monies received under these By-Laws shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

Sum to be collected and method of payment

4. (1) Subject to paragraph (2), the sum of money to be collected for compounding offences under any By-Laws made under the Act shall not exceed a sum equal to fifty percent of the maximum amount of a fine with which the offence is punishable.

(2) For offences under section 107 and 109 of the Act, the sum of money to be collected for compounding such offences shall not exceed five hundred ringgit.

(3) All money for compounding of offence shall be paid in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to President of the Jeli District Council and crossed "Account Payee Only". Payment may also be made by any other method as determined by the Council from time to time.

(4) Payment may be delivered personally to the office of the Council or to any branch offices determined by the Council but if sent by post, must be addressed to the President of the Jeli District Council.

(5) Every payment received shall forthwith be credited to the revenue of the Jeli District Council and an official receipt be issued to the person to whom the offer to compound was made.

(6) An offer to compound any such offence and acceptance of such offer shall be made in the Form set out in the Schedule.

Service of Offer to Compound an offence

5. Service of any Offer to Compound an offence may be made by any officer of the Council authorized in writing by the President,

(a) by delivering the same to such person or by delivering the same at the last place or residence of such person to an adult or an adult of his family; or

- (b) by leaving the same at the usual or last known place or residence or business premises of such person in a cover addressed to such person; or
- (c) by forwarding the same by post in a prepaid letter addressed to such person at his usual or last known place of residence or business; or
- (d) by affixing the same on some conspicuous part of the premise or at any particular things or at any vehicle related to the offence.

PART III
GENERAL

Repeal and transitional provision

6. (1) Subject to paragraph (2), when these By-Laws come into operation, Local Government (Compounding of Offences) (Jeli District Council) By Laws 1995 that was gazetted by Kn.PU.14 Of 1995 (after this will be known as repealed By-Laws) shall cease to have effect and shall be deemed to have been repealed.

(2) Notwithstanding anything in paragraph (1)—

- (a) nothing that consist in these By-Laws can prevent anyone from being charged or convicted under the repealed By-Laws in any offences done under the repealed By-Laws before the enforcement of these By-Laws;
- (b) any proceeding made under the repealed By-Laws and where the court has not yet decide before the enforcement of these By-Laws shall be explained under the repealed By-Laws as if the By-Laws are never made;
- (c) any license issued under the repealed By-Laws shall continuously be enforced and has authorisation until it reaches its due but it shall be subjected to the provisions of these By-Laws and any rules and can be revoked under these By-Laws; and
- (d) any appointment or enforcement made under the repealed By-Laws shall be in force and enforce as if it was made under these By-Laws, until the appointment or enforcement is revoked or joined under these By-Laws.

SCHEDULE

FORM

[by-laws 4]

OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE

To:

.....
.....
.....

Sir/ Madam,

Reference.....

It appears to me, on information/ complaint received, that you have committed the following offence:

Relevant provision of Law:.....

Date:.....

Time:.....

Place:.....

Particulars of Offences:.....

(2) You are hereby informed that, by virtue of the authority conferred of me by Local Government (Compounding of Offences)(Jeli District Council) By-Laws 2020, I am prepared, and hereby offer to compound the offence for the RM

If this offer is accepted, payment must be made in cash, or by money order, postal order, cashier’s order, banker’s order or banker’s draft made payable to the President of Jeli District Council and crossed “Account Payee Only”, or may be delivered personally to the following address

.....
.....

Payment by post must be addressed to the President of Jeli District Council. An official receipt will be issued upon payment. Payment may also be made by any other method as determined by the Council from time to time.

(3) This offer will lapse on..... If full payment of the sum stated above is received by the close of business on the date, no further proceedings will be taken against you in respect of the offence. Otherwise, prosecution will be instituted without further notice.

Dated *

(* to be signed by the person authorized to compound whose name and designation must appear below the signature)

ACCEPTANCE OF COMPOUND

To:

The President
 Jeli District Council
 17600 Jeli
 Kelantan

I refer to the offer to compound and offence bearing reference.....
 and dated.....I accept the offer and enclose herewith cash
 / money order/postal order/cashier's order/banker's draft No.for
 the sum ofin full settlement of the compound.

Signature:
 Name (Block Letters):
 NRIC No:
 Address:
 Dated:

Dated 22 August 2016
 [SUK.D.200(05)472/36/2 Jld.9(3)]

ZULKIFLE BIN AB. RAHMAN
President
Jeli District Council

Confirmed on 15 March 2017
 [SUK.D.200(05)849/1 Jld.9(13)]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR
Secretary
State Executive Council
Kelantan